

Malaysia ulama-ulama yang boleh memberi pendapat dengan pengetahuannya. Mengapa mesti mengambil pendapat-pendapat orang lain lebih dahulu sebelum mengambil pendapat-pendapat ulama-ulama kita sendiri.

Langkah itu mestilah dibahagi dua:

**Pertama** – Hendaklah diadakan Majlis

Muzakarah di antara ulama-ulama dan cerdik-pandai Islam untuk membahas persoalan itu.

**Kedua** – Kesimpulan yang didapati atau

pendapat-pendapat daripada Majlis Muzakarah itu hendaklah dikemukakan kepada Majlis Mufti-mufti seluruh Malaysia dan hendaklah beliau-beliau itu memberi fatwa terhadap kepada hukum mengadakan sukatan beranak.

Dengan cara yang demikian ini biasanya tidaklah alim-ulama kita yang banyak di Tanah Melayu itu tidak diminta fikirannya dan dengan demikian tidaklah hanya di dalam masalah-masalah yang serupa ini kerajaan bertaqlid buta kepada sesebuah negara – seolah-olah berqiblat kepada Mesir didalam fatwa-fatwa mengenai hukum-hukum Islam.

Lihat sahaja bagaimana rombongan kerajaan Mesir yang datang ke Malaysia yang kononnya untuk menjumpai umat Islam tetapi sebenarnya menjumpai pemimpin-pemimpin atau kerajaan sahaja, tatkala di Singapura ia mula bercakap bahawa al-Qur’ān membenarkan sukatan beranak, tetapi kemudian waktu berangkat dari Singapura ia menafikan apa yang dikatakannya itu. Dengan cara ini fahamlah kita apa ertinya dan apa maksudnya dan kerana itu mengapa maka kita mengambil kebolehan orang lain dan tidak mencari kebolehan daripada alim-ulama kita sendiri.

Patut diperingatkan, jikalau mahu mengadakan Majlis Muzakarah, maka sampai Majlis Muzakarah itu dapat luas dan sempurna; hendaklah masalah-masalah yang mengenai dengan sukatan beranak dibentangkan. Yang membentangkan masalah itu tentulah daripada segi-segi kedokteran dan teknik. Doktor-doktor yang ahli hendaklah membentangkan masalah itu, cara-cara yang dibuat, jenis-jenis yang dibuat dalam sukatan beranak. Bahan ini hendaklah dibahagikan kepada alim-ulama yang bakal memberi pandangan di dalam muzakarah itu, kemudian dapatlah mereka membanding mengkaji daripada perkaitannya dengan al-Qur’ān, kalau ada, atau daripada hadith-hadith Nabawi, dan sebagainya sampai Majlis Muzakarah itu nanti timbul dengan cara ilmiah daripada segala segi yang meliputi. Keperluan yang didapati daripada pendapat-pendapat doktor itu perlu dikemukakan sampai alim-ulama mengetahui benda yang dibahas itu. Kalau alim-ulama tidak mengenal bendanya atau masalahnya maka tidak mungkin ia akan dapat mencari atau menyelidiki persoalan itu daripada segi-segi agama Islam sama ada dengan tepat daripada al-Qur’ān, al-Sunnah atau qiyas.

Juga kita telah menulis di dalam majalah ini dalam fatwa Abu al-Mokhtar mengenai dengan sukatan beranak. *In shā-Allāh* pada suatu masa, pendapat Abu al-Mokhtar, yang kalau tidak silap sebanyak dua kali keluaran akan kita siarkan semula dalam majalah ini atau kita terbitkan di dalam risalah khas untuk pengetahuan umum *in shā-Allāh*.

\* \* \*

## Tugas umat Islam

Kalau diperhati kedudukan masyarakat kita Islam hari ini maka kita akan mendapati bahawa keadaan dan kedudukan kita umat Islam umumnya adalah dilingkungi oleh berbagai-bagai pengaruh terutamanya di atas golongan pemuda-pemuda kita. Pengaruh itu bukannya hanya meliputi di dalam lingkungan pemuda-pemuda yang tidak ada didikan agama tetapi juga pengaruh-pengaruh itu meliputi dan melingkungi pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi yang beragama juga. Ini sebagai yang pernah kita katakan, ~~bahaya-bahaya~~ mungkin bertambah-tambah dengan adanya pembangunan luar bandar di Malaysia yang bertujuan baik iaitu tetapi tidak disertakan dan dialirkan bersama-sama dengannya faham dan pengertian agama yang sebenar untuk mengawal jiwa mereka bahkan di sebalik dari itu, adanya Kementerian Pemuda dan Sukan, yang didasarkan di atas suatu tujuan bersefahaman di antara semua kaum dan, sebagaimana apa kita nampak, persefahaman yang dijalankan itu ialah dengan berkumpul di dalam kebudayaan, dengan tari-menari, dan seumpamanya dan hampir-hampir kepada golongan-golongan Islam, sebagaimana yang kita nampak, tidak terlihat barang sedikit jua pun dialirkan atau disorongkan ajaran-ajaran agama kepada pemuda-pemudi itu bahkan anjuran yang sebegitu bebas di dalam pergaulan merebak dan menjadi-jadi yaitu perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran-ajaran Islam.

Disebalik itu pula kalau terjadi sesuatu perkara yang menyolok mata berlaku dilingkungan orang-orang Islam maka dengan tidak segan-segan alim-ulama dan pihak agama

dituduh melengah dan mencuaikan oleh “pemimpin-pemimpin” kaum yang bernama dan mengaku beragama Islam sendiri. Dengan ini menunjukkan bahawa dapat difaham mereka berpengertian bahawa tugas membetulkan, tugas dakwah, tugas mengajar agama Islam adalah terletak dan terserah kepada beberapa orang atau golongan sahaja dan tanggungjawab itu terlepas dan tidak tertanggung oleh mereka. Inilah yang kita ketahui, yang kita dapati adanya dalam lingkungan masyarakat kita hari ini dan sebab itu soalan-soalan dakwah, tanggungjawab seseorang kepada agamanya tidak menjadi suatu perkara yang diendahkan oleh umum.

Tetapi yang sebenarnya bahawa tugas dakwah Islam bukanlah sebagai tugas yang dijalankan oleh agama-agama lain yaitu tugas dakwah itu terserah atau dijalankan hanya oleh satu-satu golongan atau satu-satu puak atau satu-satu pertubuhan sahaja. Tugas dakwah di dalam Islam adalah ditugaskan kepada tiap-tiap pemeluk agama Islam itu sendiri dan mereka adalah bertanggungjawab di dalam melaksanakan tugas dakwah itu sendiri.

Sekiranya mereka tidak melakukan dan menjalankan tugas dakwah itu maka kelak mereka akan dihukum menurut hukuman yang sepatadannya oleh Allah *Subhānahu wa Ta’ālā* ke atas diri mereka itu sendiri.

Adapun sebab-sebabnya maka tugas dakwah dipikulkan kepada tiap-tiap orang kaum muslimin ialah tiap-tiap orang yang berdakwah itu, tiap-tiap orang Islam itu, sebelum ia berdakwah kepada orang lain, mestilah ia terlebih dahulu berdakwah kepada dirinya sendiri, yaitu

hendaklah ia menjalan dan melakukan apa-apa yang dikehendaki dan dituju oleh Islam. Ia mestilah lebih dahulu membetulkan dirinya sendiri kemudian baharulah ia melaksanakan tugas itu kepada orang lain supaya ia tidak hanya berkata tetapi tidak beramal kerana Islam menghendaki tugas lebih dahulu beramal bagi dirinya sendiri, baharu berkata ertinya menyeru kepada golongan-golongan yang lain.

Sekarang kita melihat di sekeliling masyarakat kita bencana-bencana yang besar yang merosakkan akhlak dan budi pekerti Islam. Kita melihat yang melakukannya ini di lingkungan kita sendiri. Ini tidak akan terhapus selagi masing-masing masyarakat itu tidak menyedari tugasnya sebagai seorang Islam dan sebab itulah untuk menghadapi perkembangan yang sedemikian rupa ini telah tiba saatnya bagi para cerdik pandai Islam, terutamanya badan alim-ulamanya dapat berhimpun dan bertukar-tukar fikiran kemudian menghidupkan badan dakwah di tempat masing-masing dengan bekerjasama di antara satu sama lain. Kalau bantuan-bantuan didapat untuk mendirikan bangunan-bangunan Islam sama ada dari luar atau dari dalam negeri, mengapa bantuan-bantuan yang demikian itu tidak akan didapat sekiranya alim-ulama telah ada bertubuh dalam suatu pertubuhan yang luas yang bakal bekerja seluas-luasnya untuk mengadakan dakwah Islam.

Tidak ada ertinya kalau kerajaan Malaysia, agama rasminya Islam, sedang di dalam negara itu sendiri tidak ada badan dakwah yang *concrete* yang berani berkata benar yang bakal menegur bukan sahaja pemimpin-pemimpin yang menjadi

pemerintah bahkan kepada raja-raja sekalipun atas barang yang hak kalau ia melanggar aturan-aturan atau ajaran-ajaran agama Islam. Umat Islam sebenarnya berasa malu kalau disatu tempat dalam adat-istiadat berlaku peristiwa agama lalu dijalankan dengan khusyuk bersama-sama tetapi disatu bahagian yang lain diadakan suatu kerja atau perbuatan yang bertentangan dengan agama. Ini kita yakin dan kita percaya kalau diteruskan oleh orang yang telah mengucap dua kalimah syahadah perbuatan-perbuatan yang sedemikian ini pada suatu masa nanti akan diturunkan Allah bala yang besar kepada seluruh umat dengan tidak berkecuali lagi. Sebab itu mana-mana, atau sesiapa daripada ahli-ahli agama hendaklah berseru dengan tegas, menyampaikan dengan tegas kalimah Allah, janganlah menjadi sedaif-daif umat menegur hanya dengan hati kerana kita masih berhak menyampaikan hak-hak agama dengan tegas dan terang dan kalau mereka tidak mahu menerimanya – terpulung kepada mereka sendiri tetapi tugas dan kewajipan kita daripada golongan agama telah menyampaikan tugas itu dan berserah kepada Allah. Suka atau tidak, diterima atau ditolak bukan hak kita.

Kalau Tuhan membukakan telinganya, melapangkan hatinya tentulah mereka menerima tetapi kalau Allah membutakan hatinya dan menutup telinganya terpulung kepada mereka tetapi tugas-tugas umum yang kita umat Islam telah tiba masanya – janganlah pakai diplomasi dalam menghadapi sesuatu kerosakan kalau kita biarkan, dari satu masa ke suatu masa, akan lebih besar bahayanya kerana datangnya sebagai arus dan sepatutnya kita menembok tebing-tebing